

BAB 3

TEORI SASTERA TEKSDEALISME

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan teori ini secara agak tuntas, termasuk prinsip-prinsip yang menjadi kerangka asas teori ini iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan individualisme ataupun kepengarangan pengarang yang dalam bab-bab berikutnya akan dijadikan premis dalam menerap dan menganalisis karya-karya pilihan Anwar Ridhwan.

3.1 Pengenalan

Teori teksdealisme diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana), mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Perencanaan awal gagasan ataupun teori ini bermula sejak akhir 1980-an lagi, dan penulisannya pula dimulakan dari tahun 1993- 1995 (Mana Sikana, 2001:1). Mana Sikana diundang oleh Johan Jaafar yang ketika itu di *Utusan Melayu* (Mana Sikana,2001:1) untuk menulis artikel terutamanya tentang hal-hal yang baru yang akan disiarkan setiap minggu dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Dalam kesempatan itu, Mana Sikana telah berbicara tentang beberapa gagasan akan peri pentingnya teori sastera yang bersifat mandiri. Seperti mana yang dikatakan oleh Mana Sikana (2000:8) sepanjang 168 buah rencana yang ditulis untuk *Utusan Malaysia* itu, sebahagian besarnya adalah

mengenai teori dan pendekatan kritikan, lebih-lebih lagi yang berhubung dengan dunia pascamoden.

Pada tahun 1994, dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mana Sikana juga telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Mencari Keunggulan Dinamika Teks: *A Theoretical Beginning*". Dalam kertas kerja yang panjang itu, Mana Sikana telah menjelaskan bagaimana seharusnya untuk menjadikan sastera Melayu ini unggul. Demikian juga dalam Seminar Pengajaran Sastera yang diadakan di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, pada tahun 1995, Mana Sikana telah mengemukakan kertas kerja yang bertajuk "Pengunggulan Sastera: Teks, Pengarang dan Khalayak". Pada tahun 1995, Mana Sikana menulis "Teori Sastera Teksdealisme" dalam jurnal *Rumpun* yang diterbitkan oleh Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam tahun yang sama juga Mana Sikana telah menulis "Teori Bacaan Idealistik" yang disiarkan dalam jurnal *Penulis*, terbitan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA). Menurut Mana Sikana (2001:2), kesemua kertas kerja dan artikel itu merupakan pengembangan, pengejapan dan penyempurnaan teori teksdealisme. Semua tulisan dan kertas kerja tersebut kemudiannya beliau kumpulkan dalam sebuah buku yang berjudul *Teori Sastera Teksdealisme* yang diterbitkan oleh Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, pada tahun 1996.

Mana Sikana telah memberikan beberapa faktor yang mendorong beliau membina teori teksdealisme ini. Antaranya ialah kelembapan perkembangan sastera kita. Mana Sikana (2001:5) menjelaskan:

Situasi sastera kita dalam keadaan lembap. Tidak banyak berubah. Sukar untuk mencari teks kanon. Tidak ramai yang sampai ke taraf unggul. Sastera kita tidak pernah menjajakan kaki ke dunia internasional. Segala keperihalan keadaan ini, membuat saya terfikir untuk mencari ubatnya. Sastera kita memerlukan suatu proses rawatan, tidak sahaja untuk menyembuhkannya, juga menjadi kuat, kukuh dan berhayat. Maka teori teksdealisme ini diciptakan sebagai usaha pembinasaan kelembapan ke arah dinamika dan maju. Namanya pun diambil daripada kata ideal, unggul, diharapkan ia dapat melahirkan teks, pengarang dan khalayak yang idealistik.

Teksdealisme merupakan rangkuman dua patah perkataan iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’ yang mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya (Mana Sikana,1996:75). Falsafah teks teksdealisme berasaskan bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya supaya mencapai suatu tahap keunggulan. Sifat-sifat keunggulan inilah yang disebut sebagai idealisme, dan sifat-sifat ini harus ada dalam sesebuah teks sastera kreatif. Justeru, bolehlah disimpulkan bahawa teksdealisme itu membawa makna teks yang unggul. Teks yang unggul bermaksud teks yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Oleh sebab itu, teori teksdealisme ini juga dikenali sebagai teori keunggulan.

Seperti teori sastera tempatan lain yang lahir sebelumnya, misalnya Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Hj. Salleh, Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang, ataupun Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar, teksdealisme juga terbina atas kesedaran Mana Sikana tentang beberapa teori barat yang dirasakan kurang sesuai untuk diterapkan ke atas sastera tempatan. Abdul Halim Ali (2001:6) menyatakan bahawa “Mana Sikana melihat hegemoni teori-teori kesusasteraan barat dalam kesusasteraan Melayu sebagai sesuatu yang tidak wajar, kerana baginya, teori-teori barat telah memancarkan konsepsi sastera kita yang tidak ada jati diri dan kurang seiring dengan konteks sosio-budaya di negara ini....”. Justeru, Mana Sikana menyebutkan bahawa, “wacana teksdealisme yang dikemukakan adalah satu usaha yang dapat menawarkan jalan alternatif lain yang barangkali lebih secocok dengan khazanah sastera Melayu”. Mohamad Mokhtar Hassan (2002:32) juga berpendapat bahawa teori tempatan yang ada termasuklah teori teksdealisme ini “tidak kurang hebatnya dengan teori-teori sastera Barat. Sebagai misalannya, teori teksdealisme yang falsafahnya berasaskan kepada setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya untuk mencapai suatu tahap keunggulan. Pada hakikatnya falsafah ini dihasratkan oleh mana-mana pengkarya baik di Barat mahupun di Timur”. Seterusnya, Mohamad Mokhtar (2001:12) menegaskan bahawa teori teksdealisme ini dapat diaplikasikan terhadap sebarang genre dan bersifat universal kerana ia boleh diterima pakai oleh mana-mana kelompok bangsa”. Keuniversalan teori teksdealisme ini turut diakui oleh Sohaimi Abdul Aziz (2001:11) yang menyatakan bahawa “teori teksdealisme

ini adalah cubaan Mana Sikana untuk menjelaskan tentang kesusasteraan yang tidak terikat dengan mana-mana kesusasteraan". Sungguhpun beliau membawa contoh-contoh tempatan untuk menjelaskan pemikirannya, namun Mana Sikana tidak mengatakan teori teksdealisme hanya untuk sastera yang tertentu sahaja.

Seperti yang telah dinyatakan (Mana Sikana, 1996: 75), teori teksdealisme ini berasaskan kepada falsafah bahawa dalam diri setiap pengarang itu ada hasrat dan cita-cita untuk menghasilkan karya yang unggul sekaligus meletakkan teks dan dirinya di tahap keunggulan. Mana Sikana (1996:79) juga menegaskan bahawa teks yang unggul mesti mempunyai struktur yang unggul. Apa yang dimaksudkan dengan struktur yang unggul ini ialah pengarang itu melakukan perubahan dan pada masa yang sama mengekalkan konvensi (Mana Sikana, 1996:79). Untuk sampai ke tahap itu pula, seseorang pengarang dituntut untuk mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Pengarang hendaklah memiliki keberanian dalam mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran yang baharu serta bersedia pula untuk melakukan inovasi dan pembaharuan. Kebijaksanaan pula merupakan sifat yang mendorong penciptaan teks itu agar ia dapat dilaksanakan dengan penuh kesedaran, tanggungjawab dan bergerak dalam landasan keilmuan. Tanpa memiliki sifat-sifat tersebut, teks yang dihasilkan hanya akan berlegar dalam lingkungan tradisinya dan tidak mengarah apakah lagi mencecah tahap teks yang unggul itu.

Di samping itu, falsafah teori ini juga kembali kepada pengalaman sastera klasik Melayu yang banyak menyimpan khazanah dan mengandung intelektualisme dan intelektualisme pengarang zaman silam (Manu Sikana, 2001:10). Mana Sikana banyak merujuk pada teks lama khususnya teks *Hikayat Hang Tuah* yang dikajinya apabila membincangkan konsep keunggulan yang dibawa oleh teori ini. Menurut Mana Sikana (2001:10) lagi, sebagai sebuah epik kebangsaan, *Hikayat Hang Tuah* mewakili teks-teks lama yang lain dan berjaya menggambarkan jiwa dan batin orang Melayu. Mana Sikana juga telah menyenaraikan dan membincangkan karya-karya klasik yang lain seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Hikayat Aceh*, dan *Hikayat Isma Yatim* (sekadar menyebut beberapa judul). Menurut Mana Sikana (1998:319), mengambil kebaikan masa silam yang kemudiannya dicernakan dengan keunggulan teks-teks moden dan pascamoden adalah langkah penuh berani dan bijaksana. Berlakunya perulangan, kehadiran pengalaman atau perlenggaran antara teks-teks dua zaman itu, iaitu zaman dulu dan sekarang, merupakan mekanisme bagi menghasilkan teks-teks yang boleh menjanjikan sifat-sifat idealistik. Walau bagaimanapun, penyesuaian adalah penting. Dalam proses ini, sama ada pengguguran mahupun penambahan tidak dapat dielakkan untuk menempatkan kehadiran pandangan baru yang tersendiri sifatnya. Pertembungan pandangan mahupun pendapat tentang teks yang dibaca itu merupakan perkara yang lumrah dan normal dalam dunia bacaan; tidak mungkin ada dua orang pembaca yang mempunyai pendapat yang benar-benar sama tentang sesbuah teks yang mereka baca. Bacaan yang kritikal menemukan dapatan-dapatan yang

berbeza kerana di dalam teks itu tersembunyi pelbagai makna yang memungkinkan tafsiran yang pelbagai pula. Dapatan-dapatan ini pula dilahirkan dalam bentuk teks yang baru, iaitu berupa teks kritikan yang akhirnya tidak mustahil boleh menunjukkan laluan ke arah destinasi pencapaian keunggulan sesebuah teks. Seperti yang telah ditegaskan oleh Mana Sikana (1996:79), sesebuah teks yang unggul itu mesti mempunyai struktur yang unggul. Dalam teori teksdealisme, mengkaji struktur yang unggul bermaksud menggali dan meneliti unsur-unsur keberanian, kebijaksanaan, keluarbiasaan serta pembaharuan yang dilakukan pengarang (Mana Sikana, 1996: 68). Jelas di sini bahawa teksdealisme tidak menerima definisi struktur dalam konteks pengertian tradisionalnya (Sohaimi Abdul Aziz, 2001:7). Khalayak pula mempunyai pelbagai pendekatan untuk sampai kepada pemaknaannya. Sekali lagi, ia banyak bergantung pada unsur kehadiran pengalaman seseorang pembaca yang berkenaan kerana pembaca sentiasa membawa pengalamannya yang lalu semasa berhadapan dengan teks (Sohaimi Abdul Aziz, 2001:8).

Hal ini menjelaskan juga bahawa untuk sampai kepada tahap keunggulan itu memerlukan pemaknaan demi pemaknaan, penafsiran demi penafsiran. Ia merupakan proses dan usaha yang panjang, berlanjutan, dan hampir tiada kesudahannya. Oleh sebab itu, pembaca atau pengkaji harus kembali kepada sejarah pascamoden, kepada klasik dan yang seumpamanya. Teksdealisme, seperti juga teori-teori sastera pascamoden yang lainnya, percaya bahawa penghasilan sesebuah teks itu tetap bermula daripada idea dan pengalaman

pengarang. Pengalaman merupakan suatu bentuk sumber kehadiran yang mendatangkan idea kepada pengarang untuk mencipta teks yang baharu dari semasa ke semasa. Kehadiran pengalaman merupakan suatu proses yang berterusan serta tidak terhad pada sesuatu tempat, masa dan keadaan. Setiap individu juga melalui proses ini. Bagi seorang pengarang, kehadiran pengalaman merupakan suatu kelebihan kerana antara pengarang yang berpengalaman dengan pengarang yang kurang berpengalaman mempunyai perbezaan dalam penghasilan teks. Setiap pengarang ingin menghasilkan teks yang terbaik, sama ada lebih baik daripada karya-karyanya sendiri yang terdahulu maupun lebih baik daripada karya-karya pengarang lain. Seperti yang dinyatakan oleh Mana Sikana (*Dewan Sastera*, Jun 1996:59):

Setiap pengarang dalam sepanjang zaman mempunyai cita-cita untuk menghasilkan karya-karya yang luar biasa. Tetapi usaha itu tidak semua akan mencapai apa yang dicita-citakan. Terdapat ramai penulis yang terjebak ke dalam apa yang diistilahkan sebagai teks ideogram, yang melangsungkan wacana apa yang pernah dihasilkan orang tanpa adanya unsur-unsur fetishisme dalam penciptaan.

Dalam usaha mencapai matlamat inilah pengarang harus mempunyai keberanian dan kebijaksanaan. Pengarang mesti memiliki sifat-sifat berani untuk melakukan inovasi dan perubahan terhadap teks yang dihasilkannya. Teks yang tidak membawa sebarang perubahan ataupun pembaharuan dan masih kekal di tahap lama tidak akan mencecah tahap keunggulan. Demikian juga, pembaharuan

yang dibawa mestilah berlandaskan ilmu; tanpa ilmu teks itu berada di tahap yang jumud. Bukan semua inovasi dan pembaharuan yang dilakukan itu mempunyai nilai keunggulan. Ini bermakna pengarang mesti bijaksana dalam memilih dan mencerna idea dan segala apa juga inovasi ataupun perubahan dan pembaharuan yang dilakukannya itu. Tanpa sifat-sifat ini sesebuah teks itu berada jauh daripada tahap keunggulan.

Keunggulan teks bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai mahupun dikenalkan. Seseorang pengarang mungkin tidak berkemampuan untuk melahirkan teks yang sama unggul, mahupun lebih unggul dari semasa ke semasa. Hal ini akan menyebabkan pengarang berhadapan dengan krisis sama ada krisis keunggulan diri mahupun keunggulan teks. Pengarang yang gagal mengekalkan keunggulan teks sudah tentu akan gagal mempertahankan keunggulan kepengarangannya. Dalam keadaan sebegini, ada ketikanya seseorang pengarang itu akan cuba mengosongkan mindanya; seolah-olah dia belum pernah melahirkan karya sebelum ini. Pengarang itu akan ‘berkelana’ mencari dan mengutip pengalaman yang pernah dilaluinya lalu disatukan menjadi idea yang besar. Dalam usaha ini sudah tentu berlaku beberapa proses. Kehadiran pengalaman pengarang yang luas sudah tentu mampu melahirkan zon pemikiran yang lebih luas juga dan tidak semua pengarang mampu menjangkaunya dengan hanya pengalaman dan pemikiran yang singkat dan terhad. Di sinilah teori teksdealisme ini memberi ruang kepada pengarang untuk meningkatkan tahap kecemerlangan diri hingga mencapai tahap keunggulan itu.

Pada masa yang sama, teori ini juga memberi tumpuan kepada penglahiran khalayak yang unggul. Apabila sesebuah teks itu sampai ke tangan khalayak, kehadiran pengalaman khalayak pula bermula. Seperti kehadiran pengalaman pengarang, ia juga merupakan suatu proses yang berterusan sehingga teks itu selesai dibaca dan khalayak meletakkan nilai pada teks tersebut. Ini juga bermakna khalayak harus memperlengkapkan diri dengan pengalaman pembacaan yang luas sebelum mampu menilai, mentafsir, dan memberi makna terhadap sesebuah teks. Khalayak harus tercabar mindanya apabila berhadapan dengan sesebuah teks, dan seharusnya turut sama menghadapi krisis pembacaan, penilaian, pentafsiran, dan pemaknaan teks yang dibacanya: Apakah dia sudah mampu memberi penilaian, pentafsiran, dan pemaknaan yang sewajarnya? Bacaan, kajian, dan penganalisisan yang menggunakan kaedah teori teksdealisme; dengan empat prinsip yang disarankan, memberi petunjuk ke arah kemampuan untuk menjawab persoalan ini.

3.2 Prinsip-prinsip Teori Sastera Teksdealisme

Teksdealisme merupakan suatu kaedah baru dalam penulisan teks yang mementingkan idealisme atau keunggulan, dan dalam usaha untuk mencapainya, seseorang itu perlu melakukan pembaharuan dalam penciptaan, inovasi, defamiliarisasi, transformasi, modifikasi dan demififikasi (Mana Sikana, 1996:112). Teksdealisme merujuk kepada hakikat bahawa sesebuah teks baru yang dihasilkan itu merupakan implikasi segala eksloitasi perujukan dan

penghadiran pelbagai sumber yang membina sistem yang baru atau mitos yang baru, yang kadang-kadang mampu mendukung makna yang ambigous, erti yang berbeza dan bertentangan. Teks tidak berdiri sendiri tanpa sistem-sistem tertentu.

Mana Sikana telah menggariskan empat prinsip atau koda yang dapat diaplikasikan untuk mengkaji dan menganalisis dari sudut pengarang, teks, dan khalayak. Mana Sikana percaya melalui pengaplikasian keempat-empat prinsip ini, keunggulan mampu diraih oleh bukan sahaja pengarang dan teks itu sendiri, tetapi juga khalayak. Untuk itu, melalui teori teksdealisme ini, Mana Sikana telah juga merangka dan menyediakan metode dan mekanisme untuk membolehkan khalayak mengapresiasi dan menilai sesebuah teks itu sehingga mencapai tahap pemaknaan dan meletakkan sifat keunggulan sesebuah teks mahupun pengarang. Oleh yang demikian, dalam teori sastera teksdealisme ini proses dinamika teks berlaku: pengarang, teks, dan khalayak saling berinteraksi dan masing-masing mempunyai kaitan dan peranan yang akhirnya akan tiba kepada pemaknaan teks sama ada ia memiliki keunggulan, kurang unggul, ataupun tidak unggul.

Empat prinsip yang dijadikan garis panduan, metode, dan mekanisme penciptaan, serta penganalisan bagi mencapai tahap keunggulan ialah kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan individualisme/keperibadian.

3.2.1 Prinsip Kehadiran

Menurut Mana Sikana (1996:97), prinsip pertamanya dalam teori ini, iaitu kehadiran, sangat penting dalam teori ini kerana ia bukan sahaja merupakan garis panduan dalam menyediakan pengarang dan teks yang unggul tetapi juga khalayak yang unggul. Kehadiran pengalaman ke dalam ketiga-tiga aspek tersebut akan dapat menentukan tahap keunggulan masing-masing. Teksdealisme menganalisis aspek kehadiran dari tiga bahagian. Pertama, apakah fakta-fakta yang hadir dan dari manakah sumber kehadirannya? Kedua, bagaimana fakta itu hadir di dalam teks tersebut? Ketiga, apakah fungsi dan kesan kehadiran itu? (Mana Sikana, 1996:78).

Kehadiran boleh wujud dalam pelbagai unsur. Segala bentuk yang mendatang, masuk atau melintas dalam pemikiran seseorang boleh disifatkan sebagai kehadiran. Ia boleh dalam bentuk kemasukan ilham, bayangan, ingatan ataupun kenangan terhadap masa lampau, daripada kutipan-kutipan pengalaman, pengamatan, penelitian, pengaruh, dan sebagainya lagi.

Terdapat dua bentuk kehadiran dalam diri pengarang dan teks (Mana Sikana, 1996: 97). Bentuk yang pertama ialah bahawasanya kehadiran itu merupakan suatu proses yang berterusan, bermula dari proses pembentukan idea, penulisan, sehingga terbentuknya sesbuah teks itu. Kehadiran dalam diri pengarang dapat dikesan melalui lintasan-lintasan idea dalam pemikirannya. Lintasan-lintasan idea ini mungkin tidak terus tercerna dalam bentuk tulisan

tetapi terpaksa melalui pelbagai tahap pula; sama ada ia disimpan (eram), mungkin juga menetas dalam bentuk catatan-catatan pendek, yang kemudiannya pula akan melalui proses penyaringan dan pemilihan. Kemudian apabila idea itu padu dan bersatu serta mantap, barulah bermulanya pembentukan ataupun penciptaan cerita, iaitu penulisan. Dalam proses penulisan ini, sekali lagi proses kehadiran berlaku; pelbagai pengalaman lampau datang dalam pemikiran pengarang, dan ia terjadi secara berterusan sehingga teks itu selesai ditulis.

Bentuk yang kedua ialah kehadiran pengalaman yang berlaku secara sengaja dan juga tidak sengaja. Kehadiran secara tidak sengaja itu berlaku sebelum pembentukan idea ataupun sebelum proses penulisan teks dilaksanakan. Pengalaman-pengalaman yang hadir dan seterusnya menyebabkan wujud atau timbulnya idea dalam pemikiran pengarang itu bukanlah suatu yang disengajakan. Selain itu, kehadiran secara tidak sengaja juga berlaku semasa dalam proses penulisan teks itu sendiri.

Kehadiran secara sengaja pula hanya berlaku setelah terbentuknya idea dalam pemikiran pengarang. Kehadiran diperolehi melalui sumber rujukan yang sengaja dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu. Sumber rujukan ini boleh bersifat secara langsung ataupun tidak langsung. Rujukan langsung ialah seperti melalui buku-buku, televisyen, radio, pemerhatian dan sebagainya. Rujukan secara tidak langsung boleh saja berbentuk imbasan-imbasan kembali terhadap pengalaman yang pernah dilaluinya yang selama ini tersimpan dalam

pemikirannya, dan dia hanya perlu mengumpulkan ingatan-ingatannya itu lalu dibentuk menjadi idea sebelum dikonkritkan ke dalam bentuk tulisan. Tujuan perolehan kehadiran secara sengaja ini ialah untuk mengukuhkan lagi idea supaya apabila ia menjadi cerita (teks), ia boleh menjadi teks yang *self-content*; menjadi teks yang boleh dipertanggungjawab sendiri akan kehadirannya.

Walau bagaimanapun, seseorang pengarang yang unggul tidak akan memadatkan segala kehadiran pengalaman ini ke dalam tulisannya, sebaliknya berlaku apa yang dikenali sebagai proses penyaringan dan pemilihan terhadap pengalaman-pengalaman ini. Seseorang pengarang itu harus bijak menyaring unsur-unsur ataupun bentuk-bentuk pengalaman yang benar-benar sesuai, mantap, bermakna, dan bernilai dengan mesej mahupun persoalan yang ingin disampaikannya. Pengarang yang berpengalaman sentiasa ingin membawa pembaharuan dan kejutan dalam tulisannya. Teks yang membawa persoalan yang klise mesti dielakkan. Golongan pascamodenis mengemukakan *reductio ad absurdum*, suatu istilah yang membawa konotasi bahawa teks-teks yang subteks harus mencari unsur-unsur pembeza dengan teks-teks yang lainnya.

Dalam konteks ini, Mana Sikana telah mengemukakan teks drama, “Matinya Seorang Pahlawan” karya Usman Awang sebagai contoh. Walaupun pengarang lain pernah mengetengahkan drama yang bertolak daripada teks sumber yang sama, iaitu *Hikayat Hang Tuah*, Usman Awang sudah tentu telah membuat pemilihan terhadap pengalaman yang dimilikinya baik dari segi cerita,

watak, latar, mahupun gaya bahasa untuk disesuaikan dengan konsep heroisme baru yang ingin diketengahkannya, dan berbeza daripada apa yang telah dilakukan oleh penulis terdahulu. Jelas, dalam drama tersebut pengarang telah menggunakan bahasa yang sinis, sesuai dengan sikapnya yang sinis terhadap kepahlawanan Hang Tuah yang diagung-agungkan sejak sekian lama. Idea ini tentunya datang daripada pengalaman luas Usman Awang. Kehadiran pengalaman Usman Awang ini tentulah datang daripada kajian dan bacaannya terhadap teks-teks yang terdahulu sehingga beliau mampu menghadirkan makna yang baru terhadap teks ini.

Kehadiran pengalaman pengarang yang pelbagai itu juga menuntut proses kesepadan agar ia dapat mencapai tahap keseimbangan antara isi dan teknik. Ini penting untuk melahirkan keharmonian antara kedua-dua unsur tersebut bagi melahirkan teks yang unggul. Kehadiran pengalaman ini juga harus melalui proses pemaknaan dan pentafsiran. Pengalaman itu harus mengalami pemaknaan semula sama ada melalui perubahan makna, penambahan, atau juga pengurangan. Sekali lagi Mana Sikana menjadikan “Matinya Seorang Pahlawan” sebagai contoh. Dalam drama ini berlaku anjakan paradigma terhadap pengalaman masyarakat, khususnya orang Melayu, iaitu tentang konsep wira yang telah mereka warisi dan yakini kesahannya sejak zaman kesultanan Melaka lagi apabila Usman Awang telah memberi tafsiran dan pemaknaan baharu kepada watak Jebat. Usman Awang telah meletakkan Jebat; dan bukannya Tuah, sebagai wira.

Di samping kehadiran pengalaman pengarang yang bervariasi, teori ini juga menekankan kehadiran pengalaman dalam diri khalayak. Apabila pembaca berhadapan dengan sesbuah teks, suatu pengalaman baru pun bermula. Kehadiran pengalaman ini, seperti juga halnya dengan pengarang adalah berbeza antara seorang pembaca dengan seorang pembaca yang lain. Ia banyak dipengaruhi oleh pengalaman lampau pembaca itu sendiri. *Milieu* khalayak ataupun pembaca itu menjadi penting. Seorang pembaca yang berpengalaman mungkin sahaja boleh memberi tafsiran yang pelbagai terhadap teks tersebut sedangkan pembaca yang kurang berpengalaman mungkin hanya mampu memberikan tafsiran secara eksplisit sahaja terhadap teks yang sama. Di samping itu, harus juga dilihat tujuan seseorang itu membaca. Dalam konteks ini, jangan terkeliru dengan menganggap bahawa kesemua teori sastera itu adalah di dalam klasifikasi kritikan. Sebenarnya, apabila ia mengkhusus kepada bacaan, ia dikatakan sebagai teori bacaan. Terdapat perbezaan antara teori bacaan dan teori kritikan. Menurut Mana Sikana (1996:154):

Bacaan adalah suatu proses pengesanan makna sewaktu membaca. Bacaan bergerak daripada kata ke kata, ayat ke ayat, bab ke bab sehingga tamat. Dan yang dimaksudkan dengan bacaan ialah hanya mengesani suatu teks yang sedang dibaca sekali sahaja. Sementara kritikan lebih kepada kerja analisis, di zaman moden lebih menekankan kepada hukuman, sama ada karya itu bermutu atau tidak....

Walau bagaimanapun, menurut Barthes (Mana Sikana, 1996:154), melalui bukunya *The Pleasure of the Text* (1976), menyarankan bahawa tugas penting

pengkritik bukan terlalu mencari kelemahan pengarang - kerana setiap teks ada dirinya - hukuman sudah berkurangan dan kritikan pascamodenisme lebih tertumpu pada analisis teks. Saranan Barthes juga bahawa pembaca bukan lagi sebagai pengguna seperti mana yang ditanggapi selama ini tetapi lebih kepada kreator; dan ini meletakkan seseorang pembaca itu di daerah kreatif. Walaupun wujud pembaca yang bukannya pengarang, tetapi dalam proses bacaan sebenarnya dia juga turut membina kembali teks yang dibacanya dalam pemikirannya secara tersendiri. Dari sudut yang lebih menguntungkan, di mana pembaca itu juga seorang pengarang, tentunya dia boleh pula membina teks yang lain dan sekiranya dia seorang pengkaji sastera yang membaca teori, maka tidak mustahil dia boleh pula membina teori yang lain. Begitulah proses pembentukan dan perkembangan ilmu; ia bersifat dinamik.

Justeru, sebagai salah satu teori sastera pascamoden, teori teksdealisme menuntut pengarang dan khalayak mengaut pengalaman seluas dan sebanyak mungkin dari pelbagai sumber dan rujukan kerana hanya dengan adanya ilmu, keunggulan pengarang, keunggulan teks, keunggulan khalayak (pembaca) dan keunggulan bacaan dan kritikan (analisis) dapat dihadirkan. Seperti mana yang dikemukakan oleh Mana Sikana (1996:102) bahawa:

Pengalaman yang luas dalam ‘gedung pemikiran’ pengarang akan membolehkannya menghasilkan teks yang unggul. Ini kerana kepelbagaian pengalaman akan menyediakan pengarang dengan pelbagai pilihan dan membolehkannya membuat pilihan yang terbaik. Demikian juga halnya dengan

khalayak. Pengalaman yang luas membolehkannya memahami, menghayati, dan seterusnya menilai tahap keunggulan sesebuah teks dengan baik.

Selain itu, kehadiran juga muncul dalam pelbagai bentuk, antaranya struktur, unsur, aliran, dan ideologi. Kehadiran dalam bentuk struktur misalnya boleh pula dibahagikan kepada pemikiran, plot, watak, bahasa, dan latar seperti yang telah disebutkan awal tadi. Seperti bahasa, kehadiran pengalaman juga berstruktur, mempunyai lapisan-lapisan makna yang perlu ditapis, disaring, dipilih, serta seterusnya disesuaikan dengan persoalan yang ingin disampaikan agar ia dapat menjadi suatu idea yang benar-benar padu dan harmoni apabila dihadirkan dalam bentuk teks.

Bentuk unsur pula ialah seperti unsur asing sama ada dari segi tokoh, budaya, dan sebagainya, sementara aliran pula merujuk pada aliran-aliran yang biasa didengar seperti realisme, absurdisme, realisme magis dan yang seumpamanya manakala ideologi itu merupakan fahaman ataupun sesuatu yang menjadi pegangan seperti ideologi Komunis, Islam, Kristian, Hinduisme dan yang seumpamanya. Semua ini memerlukan penguasaan pengarang sebelum dicernakan ke dalam bentuk teks yang seterusnya akan diberi penafsiran dan pemakaian oleh khalayak.

Aspek kehadiran ini dianalisis oleh teksdealisme daripada tiga bahagian. Pertama, apakah fakta-fakta yang hadir dan di mana sumber kehadirannya?

Kedua, bagaimana fakta itu hadir di dalam teks tersebut? Ketiga, apakah fungsi dan kesan kehadirannya?

Sebagai rumusannya berhubung dengan prinsip kehadiran Mana Sikana (1998:66) menyatakan bahawa:

Sesebuah teks itu selalu menyembunyikan makna, bukan sengaja dilakukan pengarang, tetapi bernyawa di sebalik kata-kata atau wacana yang digunakan. Sebuah teks adalah himpunan kehadiran dari suatu kehidupan, suatu teks memberi pertanyaan dan juga jawapan kepada teks yang lainnya. Justeru itu, seorang pengkaji pun harus menjadikan dirinya sebagai seorang yang idealistik iaitu mengumpul segala maklumat sehingga tatkala ia membaca sesebuah teks dia mampu menghadirkan segala sumber.

3.2.2 Prinsip Perlanggaran

Untuk mencapai tahap keunggulan teks, seseorang pengarang tidak harus berpuas hati dengan pencapaian terkininya. Improvisasi mesti dilakukan dari semasa ke semasa. Untuk mencapai kelainan atau pemaknaan yang baharu, pengarang harus berani untuk menentang kelaziman ataupun yang bersifat tradisi dan konvensi, sekurang-kurangnya pengarang itu berani untuk memperbaharui konvensi teksnya sendiri. Ini tidak pula bermakna pengarang itu tidak boleh menyentuh teks pengarang lain. Demikian juga, penghasilan teks itu tidak terhad pada sesuatu idea yang keseluruhannya baharu, malah boleh bertolak daripada teks yang sudah ada sama ada teks peribadi ataupun teks pengarang lain.

Menurut Mana Sikana (1998:30):

Berdasarkan pada sumber teks yang sedia ada, pengarang berhak untuk mentafsir dan menghadirkannya dalam teks yang hendak ditulisnya. Teksdealisme tidak menolak adanya pengaruh atau pengambilan atau peresapan secara sedar atau tidak, sehingga seseorang itu mampu melahirkan teks yang baru. Seseorang pengarang itu juga berhak untuk melanggar atau menolak apa yang difikirkannya tidak baik daripada teks-teks yang lain bagi pembentukan teks barunya. Sebaliknya ia juga berhak untuk menambah mana-mana yang perlu. Namun, teks baru haruslah mempunyai suatu sistem dan membentuk maknanya sendiri, yang membezakan dengan mana-mana teks yang telah sedia ada.

Dengan itu proses penulisan seseorang pengarang itu akan sentiasa bertolak dari latar atau apa yang disebut sebagai hipogram; iaitu karya-karya yang sudah ada dan kemudian dilakukan penyesuaian, tafsiran, penambahan mahupun pengurangan dan sebagainya. Sepertimana yang dikemukakan Mana Sikana (1996:110), karya sastera adalah wadah yang terhimpun di dalamnya kepelbagaian teks yang akan melahirkan penerimaan atau penentangan di pihak pengarang atau khalayak.

Tindakan Usman Awang dalam mengalih persepsi masyarakat terhadap konsep kewiraan Melayu Tuah – Jebat, dalam “Matinya Seorang Pahlawan” itu misalnya, yang walaupun dianggap oleh sesetengah pemerhati dan pengkritik sebagai *antecedent* kepada pemikiran Boris Parnickel, Kassim Ahmad, dan Ali Aziz, tetapi Jebat telah memperoleh jati dirinya melalui drama Usman Awang ini.

Jebat tidak lagi dianggap sebagai penderhaka, malah Jebatlah wira yang sebenarnya. Jebat mengamuk kerana sultan telah berlaku tidak adil terhadap Tuah yang difitnah. Oleh yang demikian, Jebat menuntut bela atas ‘kematian’ Tuah yang telah dianiayai. Tindakan Jebat itu tidak pernah dilakukan orang ketika itu, justeru dia dianggap telah menderhaka kepada sultan yang dianggap berdaulat.

Usman Awang telah berjaya mengalih persepsi khalayak terhadap watak Jebat. Jebatlah wira, sebaliknya Tuah hanya merupakan simbol ketaatan melulu rakyat terhadap pemerintah. Pemaknaan baru yang dibuat oleh Usman Awang ini telah mengubah persepsi masyarakat umum hari ini terhadap konsep wira ini.

Perlenggaran yang dibuat Usman Awang ini sekaligus merupakan pengukuhan terhadap karya-karya yang berkaitan dengan *Hikayat Hang Tuah* yang telah dihasilkan oleh pengarang lebih awal yang telah memindahkan teks ini ke dalam bentuk skrip drama. Individualisme Usman Awang sebagai pengarang juga dicapainya lewat pengaruh tulisan-tulisan pengarang yang terdahulu ini tetapi dengan adanya beberapa perlenggaran yang dianggap drastik yang dilakukannya menjadikan karya Usman itu lebih kukuh dan dapat menampilkan keperibadian Usman Awang berbanding pengarang-pengarang yang berkenaan itu tadi. Demikianlah pentingnya keberanian pengarang untuk berimprovisasi dan berinovasi jika ingin mencapai tahap keunggulan itu.

Seperti juga dalam prinsip kehadiran, prinsip perlanggaran juga merupakan usaha ataupun proses yang perlu berterusan seperti seorang ahli sains yang tidak putus-putus bereksperimen untuk sampai kepada satu hasil yang dapat dibuktikan kefaktaannya. Prinsip perlanggaran berkait rapat dengan teori intertekstualiti Julia Kristeva, yang dikembangkannya daripada pemikiran dan teori dialogisme Mikhail Bakhtin. Mana Sikana kelihatannya seperti juga kebanyakan penteori barat; banyak dipengaruhi oleh beberapa teori barat yang sudah *established* sebelum dan semasa mencipta teori teksdealisme ini. Prinsip perlanggaran dalam teksdealisme boleh dikatakan ‘pencecrobohan’ terhadap teks-teks yang terdahulu (hipogram); dengan cara melakukan pengubahsuaian untuk tujuan pemberian. Ini jelas menunjukkan bahawa teks-teks yang baharu itu seolah-olah tidak pernah terlepas daripada pengaruh teks-teks lama. Menurut Julia Kristeva (1980:66), *any text is constructed as a mosaic of quotations: any text is an absorption and transformation of another.*

Bakhtin (1973:167) sendiri pernah menegaskan bahawa dialog juga boleh berlaku melalui pengalaman pembacaan seseorang pengarang. Pengarang biasanya akan mendapat pengaruh daripada bahan bacaan yang pernah dibacanya, sekaligus ia akan mempengaruhi daya kreativitinya seperti dalam pelataran cerita, gaya bahasa, watak, dan sebagainya. Demikian pula akan berlaku unsur penerimaan dan penolakan terhadap isi karya yang dibaca. Di samping menghayati sesebuah karya itu, tidak mustahil pula berlaku pertentangan dalam fikiran. Dalam proses pembacaan ini minda pengarang mahupun pembaca itu tadi

memberi reaksi yang aktif; justeru berlaku perbandingan, pertimbangan sama ada menerimanya ataupun sebaliknya. Proses pemahaman dan penilaian ini secara langsung berkaitan dengan aspek interpretasi dan pemaknaan teks. Dalam hal ini pengaruh unsur yang berada di luar teks dengan yang ada di dalam teks tidak dapat dielakkan. Apabila ada hubungan antara unsur-unsur dalam karya dengan unsur *real* di luar karya, maka berlakulah dialog menurut pandangan Bakhtin.

Teori teksdealisme juga menekankan unsur ini melalui prinsip perlenggaran; antara penerimaan dan penolakan terhadap isi teks yang dibaca, kemudian ditafsir, dan diberi pemaknaan yang baru. Tidak dapat tidak, akan berlaku penyerapan idea ataupun ideologi dalam karya yang baru itu daripada karya yang dibaca tadi, demikian juga penolakan terhadap beberapa unsur dalam teks awal itu. Tafsiran, penyesuaian, penambahan dan pengurangan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan seperti kata Bakhtin (yang juga dikutip oleh Mana Sikana dalam teori teksdealisme) bahawa “karya sastera adalah wadah yang terhimpun di dalamnya kepelbagaian teks yang akan melahirkan penerimaan atau penentangan di pihak pengarang atau khalayak” (Mana Sikana, 1996:110), dan seperti sejarah ia suatu proses yang tidak berkesudahan. Dalam teori teksdealisme, fenomena ini juga terjadi; dialog antara teks; dan dalam usaha ini proses perlenggaran mesti wujud, malah makna akhir yang dicapai juga boleh berubah. Semakin banyak perolehan dan dapatan semakin bervariasilah makna dan semakin berlainan pula dengan yang lain-lainnya; antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain ataupun antara khalayak itu sendiri meskipun atas

dasar teks yang sama. Ia banyak dipengaruhi pula oleh faktor kehadiran pengalaman seseorang itu.

Seperti kata Martin McQuillan, dalam tulisannya yang bertajuk “Introduction: There Is No Such Thing As Reader-Response Theory” (Julian Wolfreys (ed.,), 1999: 142):

If there were no difference of opinion between readers then there would be no need for critics and no need for you as a reader to attempt to express your response to a text in the form of critical thinking or in a written essay. Criticism then is an act of judgement by an individual in the face of a text. ...If every critical reading is a judgement in response to a text then it is the difference between judgements made by individual readers which makes criticism possible...No judgement is ever absolutely correct and is always made from a subjective point of view to the detriment of some person or group.

Dengan hal yang demikian, perlenggaran bolehlah didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Ia suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Ia menganalisis apa yang dikekalkan dan apa yang diubah dalam setiap aspek yang berhubungan dengan dunia penciptaan sehinggalah terhasilnya satu pemaknaan yang baru. Mana Sikana (1996:79) menyatakan bahawa makna yang baru atau apa sahaja yang bersifat inovatif tidak akan menjelma sekiranya tidak berlaku proses perlenggaran.

Terdapat tiga langkah analisis dalam prinsip perlanggaran ini. Pertama ialah untuk melihat apa aspek pengekalan dan perubahan yang dilakukan oleh pengarang. Kedua, bagaimana prinsip perlanggaran itu dilakukan; dan ketiga apakah fungsi dan kesannya terhadap pembinaan teks tersebut? Daripadanya, akan diketemukan sejauh mana proses perlanggaran telah berlaku dan dapat dinilai tahap keunggulannya; sama ada pengarang telah berjaya ataupun sebaliknya dalam usaha membawa kesan yang baharu terhadap teks yang sedia ada itu tadi.

3. 2.3 Prinsip Pengukuhan

Pengukuhan merupakan usaha pematangan teks oleh seseorang pengarang dalam usahanya untuk menghasilkan teks yang unggul. Ia juga satu lagi usaha bagi menyempurnakan jati dirinya sebagai pengarang. Lazimnya, pengarang yang mempunyai kesedaran dan iltizam dalam dunia kepengarangannya akan berusaha untuk melahirkan teks yang lebih baik daripada karya-karya sebelumnya; sama ada karya peribadinya mahupun karya-karya pengarang lain. Tegasnya, pengukuhan ialah usaha pengarang untuk mematang, mengejap, dan menyempurnakan karyanya. Menurut Mana Sikana (1996:113):

Pengarang yang terlibat biasanya terdiri daripada orang-orang yang telah pernah menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah karya. Setelah beberapa lama, mereka dapati karya yang ditulis itu kurang menarik dan kurang mantap. Lebih-lebih lagi jika mereka membandingkan karya tersebut dengan karya pengarang-pengarang lain. Sebagai seorang pengarang yang bijak dan bercita-cita tinggi, beliau tidak akan mudah berputus asa jika gagal di awal percubaan beliau malah dia akan terus menerus

berusaha menghasilkan teks yang lebih baik dan mampu bertahan untuk satu jangkamasa yang panjang.

Teori teksdealisme menganalisis langkah-langkah yang diambil oleh pengarang seperti yang tergambar dalam teks yang dihasilkan untuk melihat sejauh mana usaha pengukuhan dilakukan. Bagi penulis yang mungkin baru kali pertama berkarya, teori ini cuba mencari aspek pengukuhannya sebagai penulis baru. Keunggulan mungkin belum terserlah, tetapi biasanya ciri-ciri keunggulannya sebagai penulis sudah dapat dikesan pada karya awal tersebut.

Apabila berhadapan dengan pengarang mapan pula, dalam prinsip pengukuhan ini teori teksdealisme mencari dan menganalisis unsur-unsur dan mekanisme pengukuhan yang dilakukan oleh pengarang tersebut. Sementara dalam kajian aspek teksnya pula dibicarakan persoalan di sekitar pengukuhannya dan pengembangannya sebagai teks yang mengarah kepada tahap keunggulan. Dari sudut khalayak pula, apabila membaca teks tersebut, pengalaman bacaannya juga akan sentiasa mengalami pengukuhan untuk sampai ke taraf khalayak yang unggul.

Untuk sampai ke tahap pengarang, teks, dan khalayak yang unggul ini bukanlah suatu usaha yang mudah, terutamanya pada peringkat awal penglibatan. Terdapat pelbagai langkah yang perlu diambil apabila berhadapan dengan permasalahan seperti ini. Seorang pengarang yang baru dan ingin memperbaiki kedudukannya, misalnya, harus bersifat lebih terbuka; bersedia untuk mendengar,

teguran, kritikan, dan saranan daripada pengarang yang lebih berpengalaman, pengarang mapan, serta bersedia pula untuk menerimanya secara positif. Teguran, kritikan, dan saranan, merupakan suatu kaedah pembelajaran yang amat bernilai jika dilihat dengan minda dan hati yang terbuka. Sebagai langkah permulaan, hasil daripada teguran, kritikan, dan saranan itu tadi pengarang yang berkenaan mungkin boleh melakukan penyelidikan terhadap teksnya untuk mencari kelemahan dan kekuatannya sebagai sebuah karya. Kemudian, pengarang itu boleh membuat perbandingan dengan karya-karya orang lain yang pernah dibacanya. Melalui pengalaman ini, seseorang pengarang boleh mengesan dan mengenalpasti kelemahan dan kekuatan itu tadi, dan seterusnya berusaha untuk memperbaikinya. Salah satu cara yang boleh dilakukan ialah melalui proses defamiliarisasi, iaitu dengan cara menimbulkan kelainan daripada teks yang asal dengan tujuan memberi pengertian yang baru yang lebih unggul. Mana Sikana (1996:69) menyatakan pendiriannya bahawa:

Untuk mendapatkan karya yang unggul, saya seorang yang berfahaman membenarkan peniruan yang bijaksana. Saya mengatakan bahawa peniruan yang bijaksana ialah mengambil sesebuah atau beberapa buah karya menjadi rujukan, kemudian mengambilnya dengan rasa terhormat dan bertanggungjawab.Teks yang dijadikan model itu mestilah daripada teks yang besar, hasil pengarang yang besar dan telah terbukti kebesarannya. Perkataan “meniru” mungkin menyakinkan, tetapi yang sebenarnya yang hendak saya katakan ialah mempelajari teks yang baik untuk menghasilkan teks yang baik.

Seterusnya beliau mencontohkan usaha Bakhtin yang muncul dengan dialogismenya yang kemudiannya diikuti oleh Todorov dengan konsep

transformasinya dan selanjutnya Kristeva memantapkannya pula dengan intertekstualiti; yang kesemuanya berpusat kepada “Karya sastera adalah wadah yang terhimpun di dalamnya kepelbagaian teks” (Mana Sikana, 1996:110).

Dalam konteks ini, teori teksdealisme membenarkan ‘peniruan’ yang sihat, kerana ia juga percaya sesbuah teks itu tidak pernah berdiri sendiri. Ia umpama rantai kata yang saling lengkap-melengkapi sehingga menjadi frasa dan seterusnya menjadi ayat yang lengkap dan bermakna. Pengaruh sumber luar seperti ini boleh membantu pengarang menilai sendiri kelemahan dan kekuatan dirinya serta bersedia untuk memulakan pembaikan. Dalam proses pembaikan, sudah tentulah pula proses pembinasan dan pembinaan semula. Tanpanya tidak mungkin usaha pengukuhan dan pengejapan dapat dilakukan. Proses ini mungkin boleh disamakan dengan proses ubahsuai rumah; yang tanpa pembinasan (roboh) terlebih dahulu tidak mungkin kerja-kerja modifikasi dan pembinaan semula dapat dijalankan apatah lagi untuk mencapai mutu rumah yang lebih baik; cantik dan lebih kukuh.

Demikian halnya dengan sebuah teks. Pengarang yang berfungsi sebagai seorang arkitek dan jurutera; harus membuat tinjauan, penyelidikan dan kajian; dan seterusnya membuat perbandingan dengan teks-teks lain; unsur yang sesuai diambil dan yang tidak sesuai ditolak. Dalam hal ini, berbagai-bagai cara dilakukan pengarang. Pengarang amatir, misalnya, lebih bersedia untuk belajar dan menjadikan beberapa pengarang mapan sebagai idolanya, baik penulis

tempatan mahupun antarabangsa. Pengarang yang dalam dirinya ada visi dan misi untuk menjadi pengarang unggul sentiasa menyematkan semangat dan cita-cita untuk melahirkan dan menempatkan teksnya di tahap keunggulan; mampu bersaing dan menyaangi penulis lain. Untuk menjadi unggul, dia harus memiliki asas (*foundation*) yang kukuh; berkeyakinan, berketrampilan, dan paling penting berilmu agar tidak mudah goyah apabila diancam peralihan musim.

Selain itu, teks-teks yang dianggap ideal memiliki sifat-sifat nasional dan internasional. Ini bermakna ada unsur dinamika teks pada karya tersebut; keluar daripada kelaziman yang statik kepada pembaharuan yang dinamik; mempunyai kedudukan unggul di peringkat kebangsaan serta dapat diketengahkan dan dapat diterima di peringkat antarabangsa. Oleh sebab itu kita lihat banyak karya besar yang dihasilkan oleh pengarang ternama dunia diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa mengikut bahasa negara-negara yang berkenaan, tidak terkecuali pengarang dari negara kita seperti A. Samad Said, Arenawati, Shahnon Ahmad, Anwar Ridhwan (sekadar menyebut beberapa nama). Teori teksdealisme bermatlamatkan penghasilan karya, pengarang, dan khalayak yang unggul, sekaligus mengantarabangsakan karya dan pengarang tempatan juga merupakan sasaran pentingnya. Menurut Mana Sikana (1996:82):

Teori teksdealisme memandang bahawa agenda sastera yang harus didepannya ialah mengangkat martabat nasional kepada internasional, ini bererti ia tidak dapat menafikan atau menyepikan dirinya daripada perkembangan sastera moden dan

pascamoden atau yang *avant-garde* dan yang *arrirre-garde*.

Patriarch karya Shahnon Ahmad, *Hujan Pagi* karya A. Samad Said merupakan antara contoh karya yang sudah memasuki dunia sastera pascamoden kerana jelas sekali unsur-unsur realisme magis dalam kedua-dua buah karya ini. Banyak lagi karya sasterawan negara yang sudah memasuki era pascamoden. Kejayaan ini adalah kerana adanya usaha pengukuhan yang berterusan oleh pengarang sama ada daripada karya-karya mereka sendiri mahupun pengarang yang terdahulu. *Hujan Pagi* A. Samad Said, misalnya, adalah pengukuhan ke atas novel beliau sebelumnya iaitu *Daerah Zeni* (Mana Sikana,1996:114). Demikian juga drama “Jebat” karya Hatta Azad Khan merupakan pengukuhan ke atas drama-drama Hang Tuah yang telah dihasilkan oleh penulis-penulis lebih awal seperti Usman Awang (“Matinya Seorang Pahlawan”), dan Dinsman (“Bukan , Bunuh Diri”)(Mana Sikana,1996:114-115).

Oleh yang demikian, bolehlah dirumuskan bahawa dalam prinsip pengukuhan ini akan dianalisis dan diperlihatkan tiga perkara. Pertama, apakah usaha pengukuhan yang dilakukan oleh pengarang? Kedua, ia menjelaskan bagaimana prinsip pengukuhan itu dilakukan. Ketiga, apakah fungsi dan kesan pengukuhan tersebut?

3.2.4 Prinsip Individualisme/Keperibadian

Prinsip individualisme ataupun keperibadian ini merupakan analisis terakhir teori teksdealisme dan merupakan kemuncak perbincangannya terhadap sebuah teks atau seseorang pengarang. Menurut Mana Sikana (1998:325):

Falsafah teori teksdealisme dalam prinsip keperibadian ini menegaskan bahawa setiap pengarang haruslah berusaha untuk menghasil atau menciptakan sifat keperibadian atau sifat individualisme masing-masing.

Setiap pengarang tidak ingin dibayangi oleh pengarang lain walaupun ada tendensi unsur pengaruh kepengarangan individu tertentu itu dapat dikesan dalam karya mereka, terutamanya penulis muda yang menjadikan seseorang pengarang mapan sebagai idolanya. Itu mungkin di peringkat awal pembabitan mereka sahaja. Dengan berlalunya waktu, mereka harus cuba mencipta identiti diri mereka sendiri dan keluar daripada kepompong kepengaruan itu tadi. Ada sesuatu yang cuba mereka bina untuk mencapai kelainan itu dan menjadikan mereka lain daripada pengarang lain; mungkin dari segi gaya bahasa, persoalan, teknik, dan lain-lain lagi. Dalam diri mereka tersemat hasrat untuk membina jati diri yang tersendiri, keunggulan yang tersendiri baik dari segi kepengarangan maupun karya-karya mereka. Pengandaian dasar ini mengharapkan setiap pengarang dan setiap teks yang dihasilkan itu haruslah dilakukan dengan kesungguhan sendiri. Zaen Kasturi, misalnya, menurut Mana Sikana(1996:207-208):

Berusaha pula membezakan karya gaya abstraknya itu daripada karya non-konvensional yang lain. Memilih jalan sendiri dengan memperlihatkan pula anagonistiknya terhadap apa yang sudah ada, bererti penulisannya melakukan perlanggaran.... Bagaimanapun, kesedarannya sebagai penulis baru tetap wujud dalam rak-rak pemikirannya, bahawa ia sebagai penyambung tradisi, bukan usaha demitefikasi atau haplologi; strateginya ialah untuk memperlengkap dan hampir menyempurnakan teks hipogram sehingga mencapai kejayaan yang membolehkannya mendekati – kalaupun tidak mengatasi – para penulis sebelumnya. Dengan itu, saya menyimpulkan, dasar penulisan Zaen ialah membawa suatu pengalaman kejiwaan untuk mempertingkatkan daya kreativiti kepengarangan berbanding dengan penulis yang sedia ada.

Dalam konteks mencari kelainan diri ini, teori teksdealisme bukan sekadar memahami dan mengetahui bagaimana prinsip kehadiran, perlanggaran, dan pengukuhan berfungsi dalam menganalisis teks untuk sampai dan diiktiraf sebagai pengarang mahupun teks yang unggul, tetapi juga merupakan mekanisme untuk menganalisis keindividualisme ataupun keperibadian seseorang pengarang. Apabilă ketiga-tiga prinsip terawal itu sudah hadir terterap dan tercerna dengan harmoni di dalam teks, seseorang pengarang itu sudah sampai di tahap keunggulan dan memiliki sifat kejatidiriannya. Shahnon Ahmad, misalnya, terkenal dengan masalah kemiskinan orang Melayu khususnya kaum petani di Banggol Derdap, Sik, Kedah, di samping kepekaannya terhadap perkembangan semasa politik tanah air. Secara tidak langsung (dan ini disengajakan oleh Shahnon), khalayak menjadikan kedua-dua subjek itu, iaitu kemiskinan dan

politik, sebagai subjek individual (*individual subject*) Shahnon Ahmad yang akhirnya mengarah pula kepada keindividualan pengarang (*individual author*). Demikian juga dengan Arena Wati yang menjadikan persoalan laut dan kehidupan pelaut sebagai subjek individunya. Belum ada pengarang tanah air yang mampu menandingi kepetahanan dan kemahiran beliau apabila berbicara tentang laut dan kehidupan pelaut. Ini bermakna jati diri dan individualisme seseorang pengarang itu dapat dirumuskan melalui persoalan mahupun subjek yang dibawakan pengarang. Menurut Mana Sikana (1996:135):

....kodifikasi subjek individual ini tidak akan menjadi identik kepada dirinya sekiranya persoalan-persoalan yang dibincangkan hanya di peringkat amatur. Subjek dicernakan dengan penuh kekuatan dan keindahan, barulah ostentasi pengarang terserlah melalui teks-teks yang dihasil-kannya. Subjek biasanya akan membentuk pemikiran dan daripada pemikiran akan membentuk pula apa yang dinamakan sebagai ideologi.

Ideologi merupakan agenda penting pengarang pascamodenis. Menurut Terry Eagleton (Mana Sikana,1996:135), ideologilah yang sebenarnya menjadi jati diri seseorang pengarang itu. Menurutnya ideologi mengandungi enam komponen iaitu idea, kepercayaan, nilai hidup, falsafah, perjuangan, kualiti dan kekuatan, dan keenam-enam komponen ini harus menunjangi pengkaryaan pengarang. Pengarang yang nihil daripada sudut ideologi tidak akan menjadi pengarang yang unggul. Teks-teks yang dilahirkan juga tidak akan mencapai keunggulan. Foucault juga menyokong pendapat Eagleton ini apabila beliau

menyatakan ideologi dan kesedaran akan membina kekuatan, dan akan membina pula kekuasaan; dan di situlah letaknya nilai kepengarangan yang unggul. Dengan pengarang yang unggul, melahirkan teks-teks yang yang unggul, dengan sendirinya akan memperlihatkan sifat individualisme pengarang. Mana Sikana (1996:135) menganggap ideologi itu sebagai kayu ukur kepengarangan sebagai mana yang dirumuskan beliau seperti yang berikut:

Tegasnya ideologi ialah desimeter kepada pengarang. Ideologilah yang akan membentuk apa yang disebut sebagai *individualistic idealism*. Idealisme individualistik adalah ciri-ciri yang membezakan di antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Dengan itu, segala perwatakan kepengarangan - individualiti - terbentuk daripada subjek dan ideologi pengarang.

Teori teksdealisme juga memberi penekanan pada ideologi dalam menentukan keindividualisme pengarang. Dalam konteks ini, Mana Sikana (1996:135) mengibaratkannya dengan solah kepada seorang muslim. Ideologi kepada pengarang, kata beliau, ibarat solah kepada seorang Islam. Tanpa solah seseorang itu meruntuhkan keislamannya dan tanpa ideologi pengarang meruntuhkan kepengarangannya.

Begitu banyak dan panjang lebarnya persoalan ideologi ini dibincangkan oleh para ahli falsafah sastera yang akhirnya merumuskan kepada kejatidirian dan individualistik seseorang pengarang itu. Barthes, misalnya, menyatakan bahawa pengarang itu merupakan manusia yang hidup di antara sejarahnya dan

sosialisasinya yang dipengaruhi pula oleh pelbagai situasi, demikian jugalah mereka membentuk kepengarangannya dan mendapatkan kekuasaan dan keunggulannya. Dengan sendirinya penjatidirian ini mempunyai hubungan dengan konsep avant-garde walaupun ia bukan suatu kemestian. Maknanya, pengarang tidaklah semestinya terlalu bergantung terhadap penghasilan karya yang *avant-garde*. Pengarang yang tidak menghasilkan karya seperti ini juga masih boleh mencapai tahap keunggulan, individualiti ataupun jati diri pengarang.

Menurut Mana Sikana (1996:141) lagi, untuk mencapai jati diri, tidak ada pancasona atau magis, apalagi mukjizat. Apa yang harus pengarang lakukan ialah memugarkan dirinya, menggunakan segala sradium yang dimilikinya dan merencana segala kerja dengan sistematis dan logis. Katanya lagi, satu daripada ikhtiar itu ialah melalui konsep perlanggaran yang telah dibicarakan lebih awal. Perlanggaran ialah suatu konsep yang membawa unsur revolusi dalam sastera. Sebagai misalan, penciptaan yang telah menjadi idiomatik, konvensi dan tradisi haruslah dilakukan pemberontakan, rombakan, dan perubahan untuk meneroka sesuatu yang baru. Pengarang yang sedar akan konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya.

Secara umumnya, dalam prinsip individualisme ini empat faktor utama (Mana Sikana:324) akan dianalisis iaitu pertama, apakah usaha pengarang untuk mencapai tahap keperibadian atau individualisme. Kedua, menjelaskan sifat-sifat keperibadiannya. Ketiga, bagaimana prinsip keperibadian itu dilakukan

pengarang, dan keempat, membicarakan kedudukan atau posisi kepengarangannya.

3.3 Penutup

Demikianlah empat prinsip yang mendirikan dan menjadi tonggak utama teori sastera teksdealisme ini. Setelah memahami fungsi prinsip-prinsip tersebut, maka bolehlah diaplikasikan prinsip-prinsip ini untuk melihat sejauh mana pencapaian seseorang pengarang dalam berusaha menghasilkan karya yang baik, dan seterusnya menempatkan dirinya sebagai pengarang yang unggul; juga melihat sejauh mana keunggulan teks yang dihasilkan. Selain itu, keunggulan khalayak juga dapat diukur melalui penerapan prinsip tadi; iaitu sejauh mana kedinamikan khalayak dalam menanggapi dan memaknakan sesebuah teks yang dibacanya.